Dakwaan PRK Kajang Beri Manfaat Kepada Rakyat Tidak Masuk Akal - Lim
Bernama
11 Feb, 2014

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Pakatan Rakyat (PR) tidak boleh menipu rakyat dengan mendakwa pilihan raya kecil (PRK) Kajang diadakan untuk kebaikan mereka kerana pada hakikatnya ia bertujuan menyelesaikan perebutan kuasa yang melanda dalam PKR, kata Timbalan Ketua MCA Selangor Datuk Donald Lim.

Sambil menyifatkan dakwaan itu tidak munasabah, Lim berkata tindakan penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim dan para pemimpin PR memberi alasan itu mempamerkan sikap mereka yang tidak bertangungjawab.

Katanya pilihan raya kecil "yang sengajakan diwujudkan" itu sebenarnya bertujuan memenuhi kepentingan bersama PR dan untuk mengukuhkan kedudukan mereka di Selangor.

"Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim melakukan sesuatu yang tidak masuk akal dan bersikap kebudak-budakan apabila beliau mendakwa pilihan raya kecil itu akan membantu meningkatkan prestasi kerajaan negeri pimpinan PR serta mengukuhkan asas pakatan itu di Selangor agar lebih mudah bagi mereka menawan Putrajaya pada masa akan datang.

"Sekiranya peletakan jawatan anggota Dewan Undangan Negeri Kajang boleh membantu mengukuhkan perpaduan PR dan menambah baik keadaan negeri Selangor, saya harap wakil rakyat PR di Selangor akan berundur secara beramai-ramai dan mengadakan pilihan raya negeri demi kebaikan negeri itu pada masa akan datang," katanya dalm kenyataan di sini hari ini.

Lim berkata pilihan raya kecil itu dilihat akan hanya membazirkan wang rakyat serta memberi kesan buruk kepada mereka.

Menurut beliau ketika menjadi anggota Dewan Undangan Negeri, Lee Chin Cheh tidak memberi sumbangan kepada kawasan itu atau berkhidmat untuk rakyat dan hanya sanggup berkorban demi kepentingan pemimpin parti, bukan kerana rakyat.

"Para pengundi perlu mengajar wakil rakyat seperti ini pada pilihan raya kecil berkenaan dan mereka tidak sepatutnya terus mengundi PKR, yang lebih mengutamakan kepentingan politik daripada kepentingan rakyat," katanya.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 11 Mac sebagai hari penamaan calon dan 23 Mac sebagai hari pengundian bagi pilihan raya kecil Kajang.

Pilihan raya kecil ini diadakan berikutan peletakan jawatan secara mengejut Lee. PKR menamakan Anwar, yang juga ketua pembangkang, sebagai calonnya bagi mengisi kerusi itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1013692